



PROSEDUR PELAPORAN KES FRAUD DALAM URUSAN TANAH

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**



**PROSEDUR PELAPORAN KES FRAUD
DALAM URUSAN TANAH**

1. TUJUAN

Cadangan Carta Alir Pelaporan Kes Fraud Dalam Urusan Tanah adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada Pentadbir Tanah sekiranya berlaku kes-kes yang disyaki terdapat penyelewengan dan pemalsuan dalam urusan tanah.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan di semua Pentadbiran Tanah Semenanjung Malaysia.

3. RUJUKAN

- a) Kanun Tanah Negara 1965
- b) Perintah Am dan apa-apa peraturan yang menggantikannya
- c) Kanun Acara Jenayah
- d) Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- e) Business Area SPTB
- f) Business Area E-Tanah
- g) Kaedah-Kaedah Tanah Negeri
- h) Akta Keterangan 1950
- i) Akta Sumpah dan Ikrar 1949
- j) Akta Hakmilik Strata

4. DEFINISI

4.1 Pegawai Teknikal/Pengurusan Sistem Pentadbiran Tanah Eletronik

Pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan bagi urusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer atau Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik (e Tanah) di negeri dan daerah.

4.2 Timbalan Pendaftar/ Penolong Pentadbir Tanah

Pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan dipertanggungjawabkan di Unit Pendaftaran.

4.3 Pendaftar bagi Hakmilik Pendaftar/ Pentadbir Tanah bagi Hakmilik Pejabat Tanah

Pendaftar bagi maksud hakmilik Pejabat Pendaftar ialah Pendaftar Hakmilik, dan bagi maksud hakmilik Pejabat Tanah ialah Pentadbir Tanah.

4.4 Siasatan Dalaman


Melibatkan siasatan bagi mengenalpasti unsur-unsur dan kesahihan kes-kes Fraud yang diketuai oleh Pendaftar Hakmilik/ Pentadbir Tanah bersama pasukan penyiasat di daerah berkenaan

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
A. PEGAWAI TEKNIKAL/ PENGURUSAN SISTEM PENTADBIRAN TANAH ELEKTRONIK (PTST)	<ol style="list-style-type: none">1. Menerima aduan2. Menyemak dengan sistem SELAMAT3. Menyediakan Laporan Awal berkaitan sistem kepada Timbalan Pendaftar/Penolong Pentadbir Tanah4. Memaklumkan kepada Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG
B. TIMBALAN PENDAFTAR/ PENOLONG PENTADBIR TANAH	<ol style="list-style-type: none">1. Menerima Laporan Awal daripada PTST2. Menyediakan Laporan berdasarkan siasatan sistem dan individu yang disyaki terlibat
C. PENDAFTAR HAKMILIK/ PENTADBIR TANAH	<ol style="list-style-type: none">1. Menubuhkan Jawatan Kuasa Kecil Siasatan (dalam masa 24 jam)2. Melakukan siasatan secara menyeluruh melalui Jawatan Kuasa Kecil Siasatan3. Menyediakan Laporan Akhir dengan membuat penilaian kes tersebut dan juga membuat pengesyoran tindakan-tindakan penyelesaian ke atas isu tersebut.4. Membuat laporan kepada PDRM (dalam tempoh 24 jam)5. Memasukkan Kaveat Pendaftar (sekiranya perlu)6. Memaklumkan kepada Pegawai Undang-undang Negeri

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	7. Membuat laporan kepada Pasukan Petugas Pencegahan Fraud JKPTG
D. POLIS DIRAJA MALAYSIA	1. Menjalankan siasatan bagi kes-kes yang mempunyai elemen penipuan dan pemalsuan
E. PASUKAN PETUGAS PENCEGAHAN FRAUD JKPTG	1. Menjalankan siasatan bagi kes-kes yang berkaitan sistem dan prosedur

4 CARTA ALIR



LAMPIRAN A

Pasukan Petugas Khas Pencegahan Fraud

a. Pengerusi

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan/Wakil

Ahli-ahli terdiri daripada:

b. Ahli Tetap

- i. Jabatan Peguam Negara
- ii. Pendaftar Mahkamah
- iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- iv. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis DiRaja Malaysia
- v. Peguam Kanan Persekutuan, JKPTG Persekutuan
- vi. Pengarah Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG Persekutuan
- vii. Pegawai Integriti, JKPTG Persekutuan
- viii. Pegawai Integriti, NRE

c. Ahli Jemputan Berkaitan Kes

- i. Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri
- ii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- iii. Lembaga Hasil Dalam Negeri
- iv. Jabatan Imigresen Malaysia
- v. Jabatan Pendaftaran Negara
- vi. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- vii. Pejabat Tanah dan Daerah
- viii. Setiausaha Bahagian Tanah Ukur dan Pemetaan, NRE
- ix. Pengarah Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, JKPTG Persekutuan
- x. Pengarah Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG Persekutuan
- xi. Pengarah Bahagian Standard dan Inspektorat, JKPTG Persekutuan
- xii. Pengarah Bahagian Pasukan Petugas Khas, JKPTG Persekutuan

d. Urus Setia Pasukan Petugas

- i. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, JKPTG Persekutuan
- ii. Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG Persekutuan
- iii. Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, JKPTG Persekutuan
- iv. Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG Persekutuan